

## SIARAN MEDIA

### **ALAM FLORA BERSAMA KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR (KWPKB) TINGKATKAN USAHASAMA DENGAN ORANG RAMAI BAGI PENYEDIAAN PERSEKITARAN YANG BERSIH DAN SIHAT**

---

**Kuala Lumpur, 23 Mac 2013** – Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) dan Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora) meneruskan komitmennya dalam meningkatkan taraf persekitaran yang lebih bersih dan sihat menerusi usahasama erat dengan orang ramai terutamanya persatuan-persatuan penduduk dan juga pihak berkuasa tempatan serta beberapa siri program kesedaran kebersihan dan kitar semula.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora Sdn Bhd, Tuan Haji Mohd Zain Hassan, usahasama ini dilaksanakan secara tersusun mengikut kesesuaian program, bagi menjamin inisiatif dan perancangan syarikat dalam penambahbaikan sistem pengurusan sisa pepejal di kawasan konsesi Alam Flora iaitu di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Pahang, berjaya dilaksanakan.

”Alam Flora merupakan sebuah syarikat yang amat prihatin terhadap kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, serta keselesaan kehidupan masyarakat sekeliling. Sememangnya kami amat menitikberatkan aspek penambahbaikan sistem pengurusan sisa pepejal yang berterusan. Justeru, usahasama sebegini terutamanya dengan persatuan penduduk dan juga pihak kementerian, amatlah dialu-alukan,” tambah Mohd Zain.

Beliau berkata demikian selepas majlis perasmian program gotong royong ‘Treasure Hunt’ Batu Muda oleh Yang Berhormat Datuk M. Saravanan, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Program ini melibatkan kerjasama di antara Alam Flora Sdn Bhd, pihak Kementerian dan juga persatuan persatuan penduduk di sekitar kawasan PPR Batu Muda.



Jelas Mohd Zain lagi, berpandukan matlamat tersebut, langkah yang lebih agresif dan disertakan dengan inisiatif tambahan ini, Alam Flora telah mampu memantau dan memberi penekanan tanpa henti dari segi aspek kebersihan terutama di kawasan-kawasan yang menjadi lokasi tumpuan yang dikenalpasti berada di bawah lingkungan lokasi kurang bersih akibat dari masalah-masalah seperti pembuangan sampah tidak betul, sampah haram, sistem perparitan yang tersumbat dan sebagainya.

“Selepas menjalankan beberapa program kesedaran seperti gotong-royong, penerangan umum dan program galakan kitar semula, kami mendapati impak positif dapat dilihat dari segi kesedaran orang awam dan masalah-masalah kebersihan di kawasan-kawasan fokus yang kritikal pula, semakin berkurangan. Selain itu, melalui kerjasama rundingan empat mata dengan persatuan penduduk serta pihak berwajib, ia juga banyak membantu Alam Flora menyelesaikan masalah-masalah berkaitan kebersihan,” kata Mohd Zain.

Program yang diadakan buat julung kalinya ini turut melihat penduduk setempat di kawasan Batu Muda diberi pendedahan akan kebaikan pelaksanaan program kitar semula di peringkat sumber atau ‘separation at source’ dimana, selain membantu mengurangkan pembuangan sampah, ia juga dapat menambah sedikit pendapatan kepada keluarga dengan penjualan barangan kitar semula kepada pihak Alam Flora.

Mohd Zain memberi keyakinan bahawa Alam Flora sentiasa akan memperbaiki mutu kerja walaupun menghadapi beberapa masalah operasi seperti halangan kenderaan, pembuangan sampah yang tidak terkawal dan struktur longkang yang rosak demi kepuasan orang ramai.

Beliau juga ingin menyeru agar orang ramai dapat bersama-sama dengan Alam Flora dalam menjaga kebersihan sekitar dan yakin bahawa inisiatif ke arah persekitaran yang hijau dan sihat, boleh dicapai dengan adanya perubahan pemikiran masyarakat serta kerjasama yang baik dari semua pihak.

- Tamat -

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

**Surya Suharman |**

HP: 019.367.1605 [suryasuharman@alamflora.com.my](mailto:suryasuharman@alamflora.com.my)

**Azman Shawal |**

HP: 019.218.9288 [azman@alamflora.com.my](mailto:azman@alamflora.com.my)

**Farizan Hj. Yop |**

HP: 019.601.1678 [farizan@alamflora.com.my](mailto:farizan@alamflora.com.my)